



GALERI MEDIA SERBANIKA

No.28 Jalan Pahang Barat
Off Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur

T: 03-40213343 F: 03-40255609

Rujukan kami : GMSB5/STSSNM/2024
Tarikh : 14 Mac 2024

Kepada

Cik Siti Nor Ain Abdul Manaf

Assalamu'alaikum wbt

Saudari,

SURAT TUNJUK SEBAB 2

Dengan hormatnya perkara di atas dan surat Saudari bertarikh 13 Mac 2024 adalah dirujuk.

Pihak pengurusan telah menerima laporan berkenaan prestasi kerja Saudari seperti berikut :

1. **Kehadiran** ke pejabat yang **tidak memuaskan**
 - bagi bulan Januari 2024, hanya 2 hari hadir ke pejabat
 - bagi bulan Februari 2024, hanya 1 hari
 - sehingga 10 Mac 2024, 0 hari hadir
2. **Gagal menghantar berita mengikut KPI** yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 4 berita sehari. Bagi bulan Februari 2024, Saudari hanya menghantar **27 berita iaitu 42.2 peratus** daripada jumlah yang sepatutnya
3. **Gagal melaksanakan tugas** yang diarahkan oleh Editor iaitu mengisi muka surat "Citra Wanita" di dalam Harakah Cetak untuk edisi 2897
4. **Gagal memaklumkan urusan** ke luar Negara dari 5 hingga 7 Mac 2024

Saudari diarahkan memberi jawapan kepada surat tunjuk sebab ini dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sehubungan dengan itu, pihak syarikat memberikan lanjutan masa kepada pihak Saudari melapor diri untuk bertugas di ibu pejabat Kuala Lumpur pada **Isnin, 1 April 2024**.

Sekian, terima kasih.

Yang benar

KHAIRUL NADZIR HELMI AZHAR

Ketua Pegawai Operasi